

Perangai ‘bikin tak serupa cakap’ sinonim Guan Eng

Tindakan pecat ADUN serlah sikap panas baran, tidak demokratik

S ejak terputus tahaluf siyasi antara PAS dan DAP, Lim Guan Eng tidak lagi mengambil imej Islam atau menyamai dirinya dengan tokoh Muslim bagi menguatkan daya tarikan terhadap beliau atau kepemimpinannya. Orang PAS yang satu ketika dulu anggap pemimpin DAP ini bagaikan Saidina Umar Abdul Aziz, tidak lagi berbuat demikian. Mereka kini sedar bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang ini ‘bagaikan langit dengan bumi’ jika dibandingkan dengan gabenor bertaraf Khalifah yang memerintah Madinah antara 717 hingga 720.

Saidina Umar Abdul Aziz ialah Khalifah Ummayyah ke-6 dan cicit kepada Saidina Umar al-Khattab. Dia laksana hukum hudud dan menguat kuasa undang-undang syariah, bukan menghina atau menghalang pelaksanaannya. Sebagai gabenor, Saidina Umar tidak bermegah dengan jawatan, berkeperibadian tinggi, warak dan disukai ramai, bukannya angkuh, gila kuasa, berlagak samseng dan dimarah rakyat atau ahli parti sendiri.

Dia layan semua rakyat secara adil serta menjaga kebajikan rakyat miskin, bukannya mendiskriminasi, mengutamakan kroni atau menganiaya rakyat dengan projek yang dipertikai. Atas dasar amanah dan keadilan, Saidina Umar hidup sederhana dan mendedak keluarganya menderma harta dan barang kemas kepada perbandaran negara (baitulmal) – adakah Guan Eng macam itu?

Saidina Umar hanya pecat pegawai yang boros dan rasuah, bukan pegawai yang tak sepandpat dengannya. Tapi di Pulau Pinang, Guan Eng memecat dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam syarikat milik kerajaan negeri hanya kerana tidak menyokong usul berhubung isu tebus guna tanah seluas lebih 2,600 hektar berhampiran muara Sungai Pinang.

Ramai melihat tindakan itu menyerlahkan lagi sikap Ketua Menteri yang diketahui panas baran, tidak demokratik dan diktator. Hujah seorang penganalisis politik: “Dalam banyak isu, DAP anjurkan pemimpin dan rakyat untuk vote with conscience. Tapi kenapa dalam isu ini, tindakan diambil terhadap mereka yang berbuat demikian? Ini double standard, bikin tak serupa cakap.”

Perangai ‘bikin tak serupa cakap’ mula sinonim dengan Guan Eng. Atas prinsip ‘parti sekutu tidak masuk campur dalam pentadbiran negeri yang diperintah Pakatan’ yang diamal sejak 2008, Guan Eng melahirkan rasa terkejut dengan komen Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengenai pemecatan dua ADUN

Katanya, ia satu bentuk campur tangan dan Azmin tidak patut berbuat begitu. Guan Eng lupa bahawa beliau pernah mengkritik tindakan empat EXCO kerajaan Selangor yang tidak letak jawatan dalam usaha menjatuhkan Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Khalid Ibrahim pada 2014 lalu. Empat EXCO PAS itu tidak mengikuti jejak EXCO PKR dan DAP lain yang mahu Khalid dipecat dengan meletakkan jawatan masing-masing. Jika kenyataan Mohamed Azmin boleh ditafsir sebagai campur tangan, kenyataan Guan Eng tentu lebih daripada itu.

Guan Eng juga pernah menzhirkan rasa terkilan kerana Mohamed Azmin tidak mengisyiharkan Selangor sebagai negeri yang dipimpin kerajaan Pakatan Harapan dan mahu Menteri Besar dari PKR itu memberi penjelasan. Menurut logik Guan Eng, kegagalan ini membuka ruang kepada PAS untuk melakukan kucar kacir dalam kerajaan Selangor, yang dikongsikan tadbir dengan DAP dan Parti Amanah Negara (PAN).

Dendam kesumat

Dendam kesumat DAP terhadap PAS berputik selepas 2013, walaupun berthaluf siyasi dan berjuang sebagai parti sebantai dalam PRU-13. Ketika PAS masih menjadi sekutu Pakatan Rakyat, Guan Eng bertindak mengecam kerajaan Kelantan sebagai lemah dan tidak berfungsi kerana gagal menyelamatkan mangsa banjir semasa bencana besar yang melanda negeri itu pada penghujung 2014.

Kerana mulut tidak berinsurans, Guan Eng bidas PAS yang seolah-olah tidak berkerajaan kerana lepas tangan dan tidak tahu berbuat apa-apa. Dalam satu majlis DAP di Bukit Mertajam pada Januari 2015, dia berkata: “Imej yang bersih sahaja tidak cukup. Kerajaan mestil pandai buat kerja. Jika tak pandai, jangan jadi kerajaan.”

Dia juga menghina hudud sebagai membawa keburukan dan menyusahkan rakyat. Beliau menuduh kerajaan PAS Kelantan sebagai zalim kerana mahu melaksanakan kanun jerayah Islam dan undang-undang syariah di negeri itu. Tegasnya, menjadi tanggungjawab dan tugas DAP untuk menghalang PAS daripada tidak boleh berbuat jahat terhadap rakyat.

Pesan Saidina Umar Abdul Aziz: “Pemerintah biasanya melantik pegawai untuk mengawasi rakyat. Aku lantik kamu (pegawai) untuk mengawasi diriku dan kelakuanku. Jika kamu mendapatku melakukan kesalahan, bimbangkan aku dan halangkah aku daripada melakukannya.” Anda fikir Guan Eng faham pesanan Saidina Umar ini?



JUHAIDI YEAN
ABDULLAH

jshaidi@gmail.com



PROF EMERITUS
IBRAHIM KOMOO

Khidmat profesor wajar diterus selagi termampu

Pad a masa ini, Universiti Awam (UA) di Malaysia memiliki 1,867 profesor daripada keseluruhan ahli akademik berjumlah sekitar 33,500 orang. Jumlah ini adalah hampir enam peratus daripada seluruh bakat akademik, dan sekitar 0.005 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Untuk menjadi profesor, seorang insan itu perlu menimba ilmu selama hampir 23 tahun. Selepas memperoleh ijazah sarjana muda, mereka perlu mendalami ilmu melalui program sarjana dan doktor falsafah. Ijazah PhD adalah permulaan kerjaya, ahli akademik perlu meneroka ilmu baharu secara berterusan antara 10 hingga 20 tahun sebelum menjadi ilmuwan (sarjana). Itupun, tidak semua bakat akademik berkesudahan dengan meraih gelaran profesor.

Profesor adalah mahaguru, pakar dan malim (*scholar*) dalam suatu bidang atau sub-bidang ilmu, lazimnya ditempatkan di sebuah universiti untuk menjalankan tugas hakiki iaitu memberi syarahan (menyampaikan ilmu), menyelidik dan khidmat akademik. Kewibawaan suatu program akademik di universiti ditentukan oleh berberapa rakaat pakar, mereka lazimnya terpisah dengan masyarakat umum. Faedah dan aplikasi ilmunya mengambil masa yang panjang untuk diterjemahkan kepada masyarakat dan industri. Dalam keadaan begini, komuniti dan pemimpin awam kurang senang dengan bakat istimewa golongan ini kepada pembangunan masyarakat.

Di kebanyakan negara, usia bersara profesor adalah sekitar 65 tahun. Ada negara yang tidak menentukan usia bersara, selagi kemampuan intelek mereka boleh terus dimanfaatkan walaupun usia menjangkau lebih 70 tahun. Ada yang mengatakan profesor tidak pernah bersara. Begitupun, profesor boleh memilih untuk bersara selepas berusia 65 tahun apabila merasakan sudah kurang berupaya untuk menyumbang secara berkesan.

Profesor adalah ilmuwan cemerlang. Kriteria pemilihan dan pelantikan kejawatan profesor adalah berdasarkan kepada output akademik cemerlang. Oleh itu, bagi memastikan sumbangan mereka terus bermakna kepada universiti dan negara, penilaian cemerlang perlu dilakukan secara telus dan bersifat universal. Universiti perlu mempertimbangkan kepentingan profesor berdasarkan kepada tiga bentuk sumbangan iaitu kesarjanaan dan kepakaran; kewibawaan dan perkhidmatan cemerlang; dan memiliki kepakaran istimewa dan penting untuk pengajaran dan pembelajaran.

Menyediari hakikat ini, Majlis Profesor Negara (MPN) menganjurkan Dialog Meja Bulat Profesor Kontrak bertujuan melihat rasional perkhidmatan profesor dan meneliti bagaimana untuk mengekalkan peranan penting golongan ilmuwan ini di universiti masing-masing. Malaysia sebagai negara sedang membangun masih kekurangan sarjana untuk mengangkat imej keilmuan universiti awam, menyumbang pelbagai kepakaran dalam pembangunan negara, dan sebagai pemikir mendahului zaman.

Saya tertarik dengan pandangan Prof Ulung Datuk Shamsul Amri, Timbalan Pengurus MPN iaitu ‘profesor bukan sekadar pensyarah di institusi pengajian tinggi, tetapi mereka juga adalah identiti akademik (keilmuan) negara yang menggambarkan tahap ketamadunan dan maruah bangsa terhadap pemimpin ilmu’.

Oleh itu, isu usia persaraan dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara perlu dilihat daripada perspektif bagaimana negara menghargai dan mengurus golongan profesor ini. Apakah mereka sesuai disamakan dengan cara persaraan penjawat awam biasa,

atau kesarjanaannya perlu dimanfaatkan selama yang mungkin?

Ramai tidak menyedari, profesor adalah pemikir unggul dan ilmuwan yang boleh terus memainkan peranan aktif pada peringkat universiti dan negara selagi keupayaan inteleknya berkembang. Selain meneruskan peranan hakikinya, kepakaran dan kebijaksanaan mereka bermanfaat untuk mengekal dan mengukuhkan imej keilmuan universiti pada persada kebangsaan.

Pakar kepelbagaian bidang ilmu

Profesor adalah pakar dalam kepelbagaian bidang ilmu. Ada di antara profesor bukan sahaja satu-satunya pakar di dalam negara, malah hanya di antara beberapa orang pakar pada peringkat global. Memandangkan ahli akademik berada pada persekitaran penerokaan ilmu baharu dan hanya berhubungan dengan rakan pakar, mereka lazimnya terpisah dengan masyarakat umum. Faedah dan aplikasi ilmunya mengambil masa yang panjang untuk diterjemahkan kepada masyarakat dan industri. Dalam keadaan begini, komuniti dan pemimpin awam kurang senang dengan bakat istimewa golongan ini kepada pembangunan masyarakat.

Pada awal tahun ini, dunia akademik negara dikejutkan oleh gejala ramai profesor kontrak diberhentikan, khabarnya kerana pemotongan dana mengurus (operasi) pengajian tinggi. Universiti Awam ketika ini memiliki 539 (29 peratus) orang profesor kontrak iaitu profesor yang berusia melampaui 60 tahun. Mereka bersara sebagai penjawat awam dan diambil secara kontrak untuk meneruskan perkhidmatan mereka di universiti.

Menyediari hakikat ini, Majlis Profesor Negara (MPN) menganjurkan Dialog Meja Bulat Profesor Kontrak bertujuan melihat rasional perkhidmatan profesor dan meneliti bagaimana untuk mengekalkan peranan penting golongan ilmuwan ini di universiti masing-masing. Malaysia sebagai negara sedang membangun masih kekurangan sarjana untuk mengangkat imej keilmuan universiti awam, menyumbang pelbagai kepakaran dalam pembangunan negara, dan sebagai pemikir mendahului zaman.

Saya tertarik dengan pandangan Prof Ulung Datuk Shamsul Amri, Timbalan Pengurus MPN iaitu ‘profesor bukan sekadar pensyarah di institusi pengajian tinggi, tetapi mereka juga adalah identiti akademik (keilmuan) negara yang menggambarkan tahap ketamadunan dan maruah bangsa terhadap pemimpin ilmu’.

Oleh itu,

Penulis ialah Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara dan Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.

